

FIQH AL-TA'ĀYUSH
DALAM
MASYARAKAT
MADANI



FIQH AL-TA^cĀYUSH **DALAM** **MASYARAKAT** **MADANI**

ABDUL MUHAJMIN MAHMOOD
MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM
AHMAD MUNAWAR ISMAIL

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MASSA CREATIVE ENTERPRISE
Back side of GF-03A
Menara Paragon, Persiaran Bestari, Cyber 11
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-170-1

Kandungan

Prakata ... 7

BAB 1 Negara dari Perspektif *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah* ... 11

BAB 2 Konsep *Fiqh al-Ta‘āyush* ... 48

BAB 3 *Fiqh al-Ta‘āyush*: Perkembangan, Kepentingan dan Parameter
... 76

BAB 4 *Fiqh al-Ta‘āyush* Berdasarkan al-Quran dan Sunnah ... 97

BAB 5 Aplikasi *Fiqh al-Ta‘āyush* pada Zaman Rasulullah SAW ... 122

BAB 6 Hubungan *Fiqh al-Ta‘āyush* dengan *Maqāṣid* Syariah dan *Fiqh al-Muwāṭanah* ... 146

BAB 7 Polemik *al-Ta‘āyush* dan Pandangan Hukum ... 167

BAB 8 *Fiqh al-Ta‘āyush* dalam Konteks Malaysia ... 182

BAB 9 Pelantikan Bukan Muslim dalam Kepimpinan Negara Malaysia
yang Berbilang Kaum dan Agama ... 221

BAB 10 Kerjasama Politik dengan Bukan Islam dalam Islam ... 260

Rujukan ... 271

Indeks ... 305



Prakata

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga Baginda, para sahabat, para ulama dan seluruh umat Islam yang memperjuangkan kesucian Islam di mana jua berada.

Malaysia merupakan sebuah negara Islam majmuk yang unik hingga ia sangat dihormati oleh negara Islam lain. Ini adalah berpunca daripada perpaduan yang tersemat dalam jiwa semua rakyat Malaysia yang pastinya berbilang kaum, agama, etnik dan fahaman politik. Sistem pentadbiran kerajaan Malaysia juga adalah berbeza dengan situasi yang terdapat dalam negara-negara Islam lain khususnya negara-negara Timur Tengah. Keunikan itu terserlah apabila terbukti pentadbiran di Malaysia berjaya melibatkan rakyat yang berbilang kaum, bangsa dan agama semenjak merdeka lagi.

Sehubungan dengan itu, buku ini telah memfokuskan perbincangan mengenai konsep umum sebuah negara majmuk yang bersifat Madani bersesuaian dengan gagasan yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Selain itu, buku ini juga turut membincangkan mengenai konsep dan prinsip *Fiqh al-Ta'āyush* dalam Islam yang telah diterapkan dalam Malaysia.

Bagi menarik minat pembaca, buku ini telah menyajikan beberapa tajuk penting supaya ia mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Antara topik-topik penting tersebut ialah konsep negara Islam, konsep, perkembangan, kepentingan dan parameter *Fiqh al-Ta'āyush* yang berasaskan al-Quran serta Sunnah Nabi SAW. Kemuncak kepada perbincangan ini ialah polemik *al-Ta'āyush* dan pandangan hukum terhadapnya serta aplikasi konsep *al-Ta'āyush* di Malaysia.

Lebih menarik lagi apabila buku ini telah membincangkan tentang Islam dan masyarakat di Malaysia. Masyarakat majmuk berbilang bangsa, agama, budaya dan bahasa merupakan identiti Malaysia. Data Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan penduduk Malaysia pada tahun 2019 dianggarkan 32.6 juta orang. Dari jumlah tersebut 29.4 juta merupakan warganegara Malaysia sedangkan 3.4 juta lagi adalah bukan warganegara. Warganegara Malaysia terbahagi kepada tiga etnik utama, iaitu Bumiputera 69.3%, Cina 22.8 % dan India 6.9% (Mohd Uzir 2019). Menurut Baharom dan Mohd

Asmadi (2019), Malaysia mempunyai lebih dari 70 etnik dan jika ditambah sub kumpulan etnik pula bilangannya akan melebihi 200 kumpulan. Inilah keunikan dan identiti Malaysia. Negara yang mempunyai perpaduan utuh dalam kalangan rakyat, saling bertoleransi dan saling membantu mampu memacu negara menjadi sebuah negara maju dan dihormati. Perpaduan dalam kepelbagaian merupakan tonggak kepada kesejahteraan dan keharmonian sesebuah negara. Kepelbagaian tidak seharusnya menjadi jurang antara kaum di Malaysia, bahkan ia menuntut kepada kefahaman dan kebijaksanaan dalam menjelaskan nilai-nilai sejagat seumpama hak kebebasan beragama, keadilan dan kemanusiaan dalam berinteraksi dengan masyarakat majmuk yang meliputi pelbagai kaum, agama dan budaya (Abdullah & Khairil 2012).

Interaksi antara kaum dan agama pasti tidak dapat dielakkan dalam sebuah negara majmuk. Ia telah menjadi satu fenomena yang sama sekali tidak akan dapat dihapuskan dan dinafikan lagi oleh mana-mana pihak di negara ini. Perpaduan antara warganegara telah menjadi agenda penting yang telah diberikan perhatian oleh kerajaan kerana kepelbagaian latar belakang masyarakat sentiasa terdedah kepada terjadinya perbalahan, pertelingkahan dan konflik melibatkan kaum dan agama. Semua golongan yang wujud pasti akan berusaha untuk mendapatkan hak berdasarkan kepentingan masing-masing. Sekiranya kerukunan hidup melibatkan masyarakat majmuk gagal diwujudkan secara bijaksana, konflik yang dapat menggugat keharmonian negara boleh terjadi pada bila-bila masa. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan kemuncak kepada konflik melibatkan kaum di Malaysia yang telah meragut keharmonian dan telah menjadi titik hitam dalam sejarah negara. Rentetan peristiwa tersebut, pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar, pendekatan dan pelbagai program baharu bagi memupuk perpaduan antara kaum yang berlainan budaya dan kepercayaan agama khasnya melibatkan tiga bangsa utama, iaitu Melayu, Cina dan India.

Pemupuk perpaduan dan membentuk kerukunan hidup secara aman dan damai bukanlah suatu perkara yang mudah dan ia merupakan antara topik yang memerlukan kepada perincian (Khadijah 2020). Laporan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun 2020 mencatatkan perpaduan nasional di Malaysia masih lagi kuat dan kukuh iaitu pada nilai IPNas 0.567. Sungguhpun demikian defisit sosial masih tetap wujud dan memerlukan kepada usaha yang berterusan dilaksanakan dengan mengfokuskan kepada isu-isu tertentu dari masa ke semasa (Kementerian Perpaduan Negara 2021). Menurut laporan indeks antarabangsa *Global Peace Index* (GPI) yang dikeluarkan oleh *Institute for Economics and Peace* (IEP) pula, tahap

kedamaian Malaysia pada tahun 2020 berada pada tangga ke 20 dari 163 buah negara (*Institute for Economics & Peace* 2020). Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (2021) terdapat 10 kategori defisit sosial yang menjadi isu dan cabaran perpaduan dalam konteks Malaysia, iaitu etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar-desa, dan media. Kesemua defisit sosial ini merupakan isu dan hal yang berbangkit dan belum selesai yang memerlukan kepada usaha berterusan di usaha dan dilakukan untuk menyelesaikannya satu persatu (Shamsul 2019).

Sebagai agama kedamaian dan kesejahteraan. Islam telah meletakkan prinsip-prinsip yang utuh sebagai jambatan kepada terbentuknya perpaduan dan kerukunan hidup yang pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa. Sebagai sebuah negara majmuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan warganegara merupakan agenda yang diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Oleh itu, kerajaan telah memperkenalkan dasar-beberapa dasar nasional bagi tujuan membentuk perpaduan dan pada masa yang sama turut memperkenalkan dasar dan pendekatan keagamaan bagi memupuk perpaduan selari dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan Islam adalah agama bagi majoriti warganegara Malaysia. Terbaharu *Fiqh al-Ta'āyush* telah diketengahkan kerajaan dalam dasar *Manhaj Rabbani* (pada 2021) ke arah mewujudkan keamanan dan kerukunan hidup dalam masyarakat majmuk. Dalam melaksanakan dasar-dasar mahupun pendekatan-pendekatan kerajaan, konsep *Fiqh al-Ta'āyush* wajar difahami dan diambil kira agar tujuan memupuk perpaduan tidak membawa kepada identiti Islam dan akidah umat Islam dicabuli atau berlaku di luar dari bingkai yang dibenarkan dalam syariat Islam.

Akhir kalam, para penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua ahli keluarga tersayang kerana tidak pernah jemu mendoakan kesejahteraan ke atas kami semua. Semoga kami semua istiqamah dalam meneruskan usaha dakwah menerusi penulisan buku-buku ilmiah. Seterusnya, penghargaan juga diberikan kepada Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana sudi menerbitkan buku ini menerusi Dana Penerbitan Buku (DPB-2023-132). Semoga dengan terbitnya karya ini, para penulis akan terus bermotivasi untuk menulis buku-buku ilmiah lain yang pastinya akan menaikkan lagi nama UKM di persada dunia.

Abdul Muhaimin Mahmood
Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim
Ahmad Munawar Ismail